

SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI MODUL PROFIL

NO.	SOALAN	JAWAPAN
P1	Apakah itu proses pendaftaran Profil?	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap pengguna sistem iSPKP perlu mendaftar sebagai pengguna kerana sistem iSPKP tidak dibuka secara umum kepada pengguna luaran. • Hanya pengguna/pengendali/pelesen yang berdaftar sahaja akan mempunyai akses kepada iSPKP.
P2	Apa akan terjadi sekiranya saya sebagai pengendali / pelesen sedia ada tidak mendaftar sebagai pengguna sistem iSPKP?	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya pendaftaran tidak dilaksanakan, akses kepada sistem tidak akan diberikan dan pengendali / pelesen tidak akan mempunyai akses untuk melaksanakan sebarang permohonan berkaitan lesen/permit kerana APAD/LPKP akan beralih kepada sistem pelesenan atas talian sepenuhnya menjelang suku tahun kedua 2023
P3	Bagaimana saya boleh mendaftar sebagai pengguna iSPKP?	<ul style="list-style-type: none"> • Proses pendaftaran sistem iSPKP boleh dibuat melalui pautan berikut <ul style="list-style-type: none"> • http://ispkp.apad.gov.my/apad/#/ • http://ispkp.lpkpsabah.gov.my/sabah/#/ • http://ispkp.lpkpsarawak.gov.my/sarawak/#/ <p>Nota: Pautan ini tergunapakai untuk proses pendaftaran bermula dari 3 April 2023 sehingga tarikh Go Live. Setelah iSPKP Go Live, akses kepada proses pendaftaran boleh dicapai melalui portal agensi pada pautan iSPKP. Penerangan lanjut akan diberikan kelak.</p>
P4	Adakah pengendali boleh terus menggunakan sistem iSPKP untuk tujuan permohonan setelah mendaftar sebagai pengguna iSPKP?	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem iSPKP belum dilancarkan sepenuhnya. • Bermula 3 April 2023, setelah berjaya mendaftar sebagai pengguna iSPKP, pengendali/pemilik lesen hanya akan mendapat akses kepada paparan profil pelesenan masing-masing. • Melalui paparan ini, pengendali/pemilik lesen boleh melihat maklumat mengenai syarikat serta maklumat lesen kenderaan perdagangan yang telah didaftarkan di bawah syarikat mereka sahaja. • Akses untuk permohonan pelesenan melalui iSPKP dijangka akan dibuka kepada pengguna secara berperingkat bermula Mei 2023.
P5	Mengapa Pengarah Syarikat /pelesen berdaftar yang perlu mendaftar?	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem iSPKP hanya menyediakan 1 akses utama untuk setiap pengendali/pemilik lesen. • Sebagai pengarah syarikat/pemilik lesen, anda adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan lantikan wakil syarikat/runners/person-in-charge yang dilantik untuk berurusan dengan APAD/LPKP mengenai permohonan pelesenan anda melalui iSPKP.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Sebarang aktiviti pelesenan bagi syarikat anda yang dilaksanakan oleh wakil syarikat/runners/person-in-charge di dalam iSPKP adalah menjadi tanggungjawab pengendali/pemilik lesen. • Pengarah syarikat disarankan untuk tidak berkongsi maklumat akses utama iSPKP untuk syarikat masing-masing dengan wakil syarikat/runners/person-in-charge.
P6	<p>Mengapa tidak semua pengendali /pemilik sedia ada yang mendapat jemputan untuk mendaftar kepada sistem iSPKP?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem iSPKP sedang di dalam peringkat akhir pembangunan sebelum ianya dilancarkan. • Proses pendaftaran bagi pengendali / pemilik lesen sedia ada dibuat secara berperingkat terlebih dahulu bagi membolehkan pihak Kerajaan mengenal pasti sebarang isu yang berbangkit. • Tambahan pula, pihak Kerajaan tidak mahu kaunter APAD/LPKP diserbu oleh pengendali/pemilik lesen untuk tujuan pendaftaran sehingga menimbulkan kesesakan di kaunter-kaunter APAD/LPKP sehingga gangguan kepada aktiviti pelesenan harian di kaunter-kaunter APAD/LPKP.
P7	<p>Apakah itu proses pengesahan biometrik?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ianya adalah proses untuk pengesahan identiti di mana proses ini akan diintegrasikan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). • Proses pengesahan biometrik ini hanya perlu dilakukan sekali sahaja untuk pengendali/pemilik lesen sedia ada serta juga kepada pengendali/pemilik lesen baharu. • Proses pengesahan biometrik ini perlu dilalui oleh pengarah syarikat (bagi syarikat Sdn Bhd / Bhd), pemilik (milikan tunggal / perkongsian), wakil syarikat, agen, PIC dan runners.
P8	<p>Adakah proses pengesahan biometrik ini percuma?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ya proses ini adalah percuma. • Perlu datang ke mana-mana kaunter APAD/LPKP yang berdekatan dengan alamat operasi pengendali/pemilik lesen.
P9	<p>Apakah agen atau runner perlu membuat pengesahan biometric di kaunter LPKP?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Agen atau runner perlu membuat pengesahan biometrik di kaunter bagi pengesahan identiti. • Lantikan agen/runner perlu kepada pengesahan pengarah syarikat bagi setiap pengendali/pemilik lesen yang berdaftar.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
P10	Apakah <i>Person-in-Charge</i> (PIC) perlu membuat pengesahan biometrik?	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya PIC ialah pengarah syarikat atau pemilik lesen, perlu membuat pengesahan biometrik bagi melengkapkan urusan pendaftaran pada Sistem iSPKP. • Sekiranya bukan pengarah syarikat atau pemilik lesen, PIC masih juga perlu untuk membuat pengesahan biometrik di kaunter bagi tujuan pengesahan identity. • Lantikan agen/runner perlu kepada pengesahan pengarah syarikat bagi setiap pengendali/pemilik lesen yang berdaftar
P11	Bagaimana jika pengarah syarikat /pemilik lesen / wakil syarikat / agen / PIC/ runner tidak dapat hadir secara fizikal di pejabat APAD/LPKP untuk tujuan pengesahan biometrik?	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kaedah alternatif yang disediakan iaitu perkhidmatan eKYC (electronic-know-your-customer). • eKYC adalah kaedah pengesahan identiti yang digunakan oleh industry perbankan serta perkhidmatan ehailing. • Akan tetapi perkhidmatan ini adalah perkhidmatan yang berbayar serta tidak ditanggung oleh Kerajaan • Kos perkhidmatan ini adalah RM4.20 untuk sekali pengesahan sahaja. • Pembayaran akan dibayar terus oleh pemohon terus kepada penyedia perkhidmatan eKYC tersebut. Tiada penglibatan pihak Kerajaan di dalam proses pembayaran bagi perkhidmatan tersebut. • Perkhidmatan eKYC adalah alternatif kepada proses pengesahan biometrik secara fizikal di kaunter APAD/LPKP, tiada paksaan untuk menggunakan perkhidmatan ini. • Perkhidmatan eKYC hanya akan diadakan bermula dari 6 April 2023.
P12	Apakah itu eKYC?	<ul style="list-style-type: none"> • eKYC adalah singkatan kepada 'elektronik-Know-Your-Customer'. • Ianya adalah konsep pengesahan identity yang sama yang digunakan oleh sector perbankan dan sector ehailing.
P13	Adakah proses eKYC ini mandatori penggunaannya?	<ul style="list-style-type: none"> • Ianya adalah kaedah pengesahan identiti secara atas talian sebagai alternatif kepada pemohon/pengendali/pelesen sekiranya tidak dapat hadir untuk tujuan pengesahan biometric secara fizikal di kaunter-kaunter APAD/LPKP. • Ianya bukanlah mandatori.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
P14	Adakah perkhidmatan eKYC disediakan secara percuma?	<ul style="list-style-type: none"> eKYC sebagai perkhidmatan alternatif adalah perkhidmatan yang berbayar. lanya disediakan oleh pihak ketiga dan pembayaran dibuat terus kepada pihak ketiga tersebut.
P15	Berapakah kos penggunaan eKYC?	<ul style="list-style-type: none"> Kos perkhidmatan eKYC adalah RM4.20. lanya hanya perlu dilakukan sekali sahaja semasa proses pendaftaran. Pembayaran akan dibuat secara atas talian terus kepada penyedia perkhidmatan tersebut. Sekiranya pemohon/pengendali/pelesen tidak mahu membayar kos eKYC tersebut, boleh hadir ke kaunter-kaunter APAD/LPKP yang berdekatan untuk tujuan pengesahan biometrik secara fizikal.
P16	Adakah penggunaan eKYC hanya kepada pengarah syarikat/pemilik lesen sahaja?	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan eKYC adalah terbuka kepada semua pengguna iSPKP yang perlu mendaftar serta membuat pengesahan identiti.
P17	Bagaimanakah pengendali/pelesen baru akan mendapat login dan kata laluan untuk portal APAD/LPKP?	<ul style="list-style-type: none"> Pengendali/Pelesen baru perlu akses kepada portal iSPKP, yang boleh dicapai melalui laman sesawang APAD/LPKP atau melalui pautan yang dinyatakan di dalam P3. Perlu diingati bahawa akses iSPKP adalah seperti berikut: Semenanjung - APAD Sabah - LPKP Sabah Sarawak - LPKP Sarawak Setelah pegawai APAD/LPKP meluluskan pendaftaran pengendali/pelesen, Pengarah pengendali/ pelesen perlu menghadirkan diri ke kaunter APAD/LPKP untuk membuat pengesahan biometrik. Pengendali/ Pelesen akan diberikan login dan kata laluan sementara. Seterusnya, pengendali/ pelesen boleh mengakses sistem iSPKP untuk membuat penukaran katalaluan. Setelah berjaya pengendali/pelesen akan diberikan akses kepada iSPKP.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
P18	Apakah yang perlu dilakukan oleh pemohon/pemilik lesen sekiranya lupa kata laluan / username?	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh tetapkan kata laluan yang baharu pada sistem melalui fungsi 'Lupa Kata Laluan'. • Sila pastikan maklumat emel yang didaftarkan adalah tetap dan betul kerana pemakluman perubahan kata laluan akan disalurkan kepada emel yang didaftarkan.
P19	Adakah pengendali / pelesen boleh melantik lebih dari seorang sebagai wakil syarikat?	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada sekatan bagi lantikan PIC selagi mana ia mendapat pengesahan daripada pengarah syarikat atau pemilik lesen. • Pengarah syarikat atau pemilik lesen bertanggungjawab terhadap setiap PIC yang dilantik atau digugurkan.
P20	Sekiranya wakil syarikat tidak lagi dilantik sebagai wakil syarikat, bagaimana pengendali / pelesen untuk mengemaskini nama wakil syarikat tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> • Pengarah syarikat atau pemilik lesen bertanggungjawab terhadap setiap PIC yang dilantik atau digugurkan. • Hanya perlu kemaskini melalui sistem sahaja.
P21	Bagaimana untuk melantik wakil syarikat yang baru sekiranya wakil sedia ada bersara atau berhenti kerja?	<ul style="list-style-type: none"> • Pengarah syarikat atau pemilik lesen bertanggungjawab terhadap setiap PIC yang dilantik atau digugurkan. Hanya perlu kemaskini melalui sistem iSPKP sahaja. • Permohonan untuk menjadi wakil syarikat perlu dibuat oleh individu tersebut dan kelulusan akan dibuat oleh Pengarah Syarikat/Pemilik Lesen yang berdaftar dengan sistem iSPKP
P22	Adakah sistem iSPKP mengenali dengan mesra wakil syarikat yang dilantik, tanpa berlaku pencerobohan maklumat syarikat?	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat di dalam sistem iSPKP adalah sulit dan terjamin serta telah menjalani proses semakan keselamatan berdasarkan pekeliling kerajaan sedia ada. • Pengendali/pemilik lesen dinasihatkan untuk tidak berkongsi maklumat katalaluan iSPKP dengan mana-mana pihak lain. • Sebarang pencerobohan maklumat atas perkongsian katalaluan dengan pihak luar adalah atas tanggungjawab pengendali/pelesen.
P23	Seorang wakil syarikat boleh mewakili beberapa pelesen, adakah pelesen / pengendali boleh mewakilkan lebih dari seorang wakil untuk satu syarikat?	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada sekatan terhadap PIC dalam menjadi wakil sesebuah syarikat atau pemilik lesen. • Pengarah syarikat atau pemilik lesen bertanggungjawab sepenuhnya terhadap setiap PIC yang dilantik atau digugurkan.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
P24	Apa yang perlu dilakukan oleh wakil / pengendali / pelesen yang mendaftar syarikat melalui sistem iSPKP, tetapi tidak menerima emel daripada APAD/LPKP?	<ul style="list-style-type: none"> • Makluman hanya daripada janaan Sistem iSPKP sahaja dan bukan daripada APAD/LPKP. • Sila pastikan maklumat emel yang dinyatakan semasa proses pendaftaran adalah tepat dan betul. • Sekiranya masih terdapat perkara berbangkit sila hubungi pejabat APAD/LPKP yang berdekatan untuk maklumat lanjut.
P25	Adakah sistem iSPKP masih membenarkan pengendali/pelesen menggunakan wakil syarikat/agen?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya, pengendali/pelesen masih boleh menggunakan wakil syarikat yang boleh terdiri daripada <ol style="list-style-type: none"> a) Pekerja syarikat pengendali/ pelesen ataupun b) "Runner"
P26	Adakah wakil syarikat boleh menggunakan Portal APAD/LPKP?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya, wakil syarikat perlu mendaftar sebagai wakil syarikat di dalam sistem iSPKP dan perlu mendapat pengesahan dari pengarah syarikat yang ingin diwakili. • Setelah proses tersebut berjaya dilaksanakan termasuk proses pengesahan biometrik, wakil syarikat boleh login kepada iSPKP untuk membuat transaksi permohonan pelesenan bagi syarikat yang mereka wakili. • Mohon maklum bahawa sebarang proses penipuan yang dikesan oleh sistem yang dilaksanakan oleh wakil syarikat boleh dikesan secara audit trail dan pihak Kerajaan berhak untuk menyekat akses iSPKP oleh wakil syarikat tersebut.
P27	Adakah wakil syarikat boleh membuat transaksi bagi sebarang pelesen?	<ul style="list-style-type: none"> • Pengendali/Pelesen mesti melantik individu berkenaan sebagai wakil syarikat dalam sistem iSPKP sebelum wakil syarikat boleh mengakses iSPKP dan menjalankan transaksi bagi pihak pengendali/pelesen. • Pengendali/Pelesen juga perlu meluluskan setiap transaksi yang dilaksanakan oleh wakil syarikat.
P28	Seorang wakil syarikat (Runner) boleh mewakili beberapa pengendali/pelesen. Adakah wakil syarikat tersebut akan menggunakan login berlainan bagi setiap pengendali/pelesen?	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang wakil syarikat akan hanya mendapat satu login. • Wakil syarikat tersebut boleh menjalankan transaksi bagi semua pengendali/pelesen yang diwakilinya dengan menggunakan login tersebut. • Akan tetapi setiap transaksi perlu diluluskan oleh pengarah syarikat/pemilik setiap syarikat yang diwakilinya.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
P29	<p>Bagaimana wakil syarikat luaran / runner sekarang akan dimaklumkan mengenai sistem iSPKP?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi taklimat serta penyediaan latihan bagi penggunaan sistem iSPKP akan diadakan, ini bagi memberikan pendedahan mengenai pengoperasian iSPKP dari segi pemahaman serta penggunaan. • Pihak-pihak yang berkepentingan akan dijemput untuk menghadiri taklimat serta sesi latihan yang akan diadakan tersebut.